



Akta Orang Dewasa Rentan

Secara Sepintas Lalu



Risalah ini dapat membantu anda untuk lebih memahami tentang siapa itu Orang Dewasa Rentan (VA). Ahli keluarga seseorang VA perlu melindunginya daripada penderaan. Tetapi, jika ahli keluarga anda tidak dapat melakukannya, ataupun jika anda adalah seorang VA dan anda tidak dapat melindungi diri anda daripada penderaan, kini anda boleh minta bantuan dan sokongan di bawah Akta yang disebutkan di atas. Anda boleh mendapatkan bantuan di Family Service Centre (FSC), Protection Specialist Centre (PSC), atau pergi ke Pusat Perlindungan Keluarga di Mahkamah Keadilan Keluarga (FJC).

Akta Orang Dewasa Rentan (VAA)

VAA mula beroperasi pada 19 Disember 2018.


Langkah 1 Siapa itu VA?

Ia adalah seseorang yang memenuhi **kesemua** syarat berikut:

- Berumur 18 tahun atau lebih,
- Mengalami kelemahan, kecacatan dan kurang daya mental atau fizikal, oleh itu,
- Dirinya mudah didera, diabai atau mengabaikan dirinya sendiri.



Langkah 2 Apa itu penderaan, pengabaian atau mengabaikan diri sendiri?

 Penderaan	Penderaan Fizikal
	Penderaan emosi atau psikologi
	Berkelakuan untuk mengawal atau menguasai VA hingga menyebabkan VA merasa takut akan keselamatan/ kesejahteraan dirinya
	Kelakuan untuk menafikan, atau mengancam untuk menafikan VA daripada bebas bergerak atau menikmati kesejahteraan dirinya
Pengabaian	Kurang diberi penjagaan yang asas hingga menyebabkan atau mungkin menyebabkan kecederaan, kesakitan, atau kecederaan mental dan fizikal terhadap VA
 Mengabaikan Diri Sendiri	VA gagal melakukan tugas harian yang asas hingga mengakibatkan VA: <ul style="list-style-type: none">• Tinggal dalam keadaan yang kotor atau membahayakan• Menderita kerana kurang zat makanan atau hidrasi• Menderita kerana penyakit ataupun kecederaan fizikal atau mental yang tidak dirawat


Langkah 3 Siapa yang boleh memohon untuk Perintah Perlindungan(PO)?

Adakah VA mempunyai keupayaan mental untuk mengizinkan permohonan ini?

Ya	Tidak
<ul style="list-style-type: none">• Diri VA sendiri• Ahli keluarga, dengan izin VA• Pegawai kebajikan yang diluluskan dengan izin VA• Ketua Pengarah Kebajikan	<ul style="list-style-type: none">• Penerima atau timbalan• Ahli keluarga• Pegawai kebajikan yang diluluskan

Langkah 4

Dokumen-dokumen apakah yang saya perlu adakan?

Pemohon	Apa maksudnya?	Dokumen apakah yang diperlukan?
VA	<ul style="list-style-type: none">Berumur 18 tahun atau lebih,Mengalami kelemahan, kecacatan dan kurang daya mental atau fizikal, oleh ituDirinya mudah didera, diabai atau dia mengabaikan dirinya sendiri	<ul style="list-style-type: none">Kad PengenalanLaporan Penilaian Daya Mental jika mempunyai kelemahan mental. Laporan Perubatan mungkin diperlukan oleh Mahkamah bagi kelemahan fizikal. 
Ahli keluarga	<ul style="list-style-type: none">Suami / IsteriAnakAnak angkatAnak TiriIbu BapaMertuaAdik-beradikDatuk nenekCucuOrang-orang lain yang Mahkamah anggap sebagai ahli keluarga	<ul style="list-style-type: none">No KP ahli keluargaBukti pertalian merekaBorang Izin yang ditandatangani oleh VABorang Penilaian Daya Mental yang ditandatangani oleh pengamal perubatan jika VA mengalami kurang daya mentalLaporan Perubatan yang menunjukkan kelemahan fizikal (jika berkenaan dan boleh diperolehi)
Penerima	Orang yang diberi kuasa melalui Surat Kuasa Berkekalan untuk membuat keputusan tentang perkara-perkara tertentu sahaja mengenai kebajikan, harta dan hal ehwal VA berkenaan	<ul style="list-style-type: none">No. KP PenerimaSurat Kuasa BerkekalanBorang Penilaian Daya Mental yang ditandatangani oleh pengamal perubatan
Timbalan	Orang yang dilantik oleh mahkamah di bawah Akta Keupayaan Mental untuk membuat keputusan bagi pihak VA berkenaan perkara-perkara tertentu	<ul style="list-style-type: none">No. KP TimbalanSurat Perintah Mahkamah tentang PerlantikanBorang Penilaian Daya Mental** yang ditandatangani oleh pengamal perubatan yang berdaftar 

Langkah 5

Perintah-perintah apakah yang saya boleh memohon?

Perintah Larangan	Melarang Responden mendera atau terus mendera VA
Perintah Dilarang Masuk	Pendera dilarang masuk agar VA seorang sahaja dibenarkan mendiami sesebuah premis atau di bahagian tertentu premis berkenaan
Perintah Tanpa Akses	Responden dilarang memasuki sesuatu kawasan tertentu di luar kediaman VA atau mana-mana tempat yang VA sering kunjungi
Perintah Dilarang Melawat/ Dilarang Berkomunikasi	Responden dilarang melawat atau berkomunikasi dengan VA

Perintah Dipercepatkan (EO), atau perintah PO sementara, boleh dikeluarkan sambil menunggu hari perbicaraan bagi permohonan berkenaan jika Mahkamah berpuas hati bahawa VA masih terus atau berada dalam bahaya didera, diabai, ataupun mengabaikan dirinya.

Langkah 6

Di mana saya boleh buat permohonan?



Pergi ke **Pusat Perlindungan Keluarga** di Tingkat 1 FJC. Atau di mana-mana PSC*:

- PAVE Integrated Services bagi individu dan Pusat Pakar Perlindungan Keluarga di Ang Mo Kio;
- Pusat TRANS SAFE di Bedok; atau
- Care Corner Project StART (CCPS) di Commonwealth.



* Senarai terkini PSC terdapat di laman web Kementerian Pembangunan Sosial & Keluarga.



SG Courts

** Sila rujuk laman web SG Courts untuk mendapatkan borang



Jika anda menemui sesiapa yang mengabaikan dirinya, dapatkan bantuan di mana-mana **FSC** yang terdekat, hubungi **Talian Penting ComCare** di 1800 222 0000, atau hubungi Talian Penting National Care di 1800 202 6868.

Langkah 7

Memohon untuk PO

Pemohonan



- Pemohon akan mengangkat sumpah di hadapan Hakim pada hari yang sama selepas pengaduan dibuat.
- Hakim akan menentukan sama ada permohonan ini boleh diterima dan sama ada EO juga boleh diberikan

Surat Saman



- Surat Saman berserta EO atau tanpa EO akan diserahkan kepada Responden.

Sebutan di Mahkamah*



- Jika **Responden bersetuju**, PO yang mempunyai/tiada perintah kaunseling atau program lain yang diarahkan oleh mahkamah akan diberikan.
- Kemudian, kes ini akan ditutup tetapi Hakim akan tentukan sama ada kes ini perlu dikaji semula ataupun tidak.
- Jika **Responden tidak bersetuju dan pihak yang terlibat tiada sepakat**, PO tidak akan diberikan dan perkara ini akan ditetapkan untuk perbicaraan (atau sebutan seterusnya akan diadakan jika perlu**).

Perbicaraan*



- PO mungkin akan/tidak akan diberikan kepada VA bergantung pada keputusan Hakim semasa perbicaraan.
- Jika Hakim mengeluarkan PO, semua pihak boleh dikenakan kaunseling.

* Jika Responden tidak hadir tanpa sebab-sebab yang sah, Mahkamah boleh mengeluarkan Waran Tangkap dan/atau mengarahkan agar perbicaraan diteruskan tanpa kehadiran Responden.

Jika Pemohon tidak hadir, kesnya akan digugurkan.

Jika Pemohon ingin menarik balik kesnya, pemohon perlu memberitahu Hakim pada hari sebutan/perbicaraan.

Jika permohonan PO/EO tiada alasan yang sah, kes ini akan ditolak.

** Sebutan-sebutan lanjut mungkin diadakan bagi membolehkan pihak-pihak terlibat mendapatkan nasihat guaman, ataupun untuk tukar-menukar dokumen/afidavit.

Soalan-Soalan Yang Sering Ditanya

Perluakah saya mendapatkan peguam?

Permohonan PO tidak memerlukan peguam. Tetapi pemohon di bawah umur 21 tahun perlu ada wakil litigasi untuk menguruskan permohonan yang dibuat dan mereka akan menggunakan peguam untuk menguruskannya.

Untuk kes-kes yang lain, Pemohon boleh mendapatkan peguam jika pemohon memilih untuk diwakili di mahkamah.

Bagaimana jika Responden tidak mematuhi perintah mahkamah?

Laporkan perkara ini dengan segera kepada pihak polis.

Di bawah seksyen 14(10) Akta Orang Dewasa Rentan 2018, melanggar perintah PO adalah suatu kesalahan jenayah.

Bagaimana jika VA takut berjumpa Responden di mahkamah?

Seorang ahli keluarga atau rakan boleh menemani VA ke Mahkamah. Jika tiada sesiapa yang boleh menemani, VA boleh berbincang dengan Pakar Keluarga Mahkamah di Pusat Perlindungan Keluarga untuk menggunakan cara-cara lain, misalnya mengadakan perhubungan melalui *video-link*.

Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Anda boleh mendapatkannya di mana-mana FSC, PSC, ataupun di Pusat Perlindungan Keluarga, FJC.

Anda boleh mendapatkan nasihat guaman daripada Community Justice Centre, Community Legal Clinic, atau Legal Aid Bureau.

Supaya bersikap berkecuali, pegawai mahkamah tidak dibenarkan memberi nasihat guaman atau merekomendasikan mana-mana peguam. Dapatkan senarai peguam dari Law Society of Singapore.

Penafian:

- Carta aliran ini hanya menunjukkan proses yang lazim dijalankan. Hakim mempunyai budi bicara sepenuhnya untuk mengarahkan tindakan terbaik yang boleh diambil pada bila-bila masa.
- Penerbitan ini hanya untuk maklumat am sahaja dan ia bukan sebarang bentuk nasihat guaman atau nasihat tertentu bagi mana-mana kes.
- Pihak FJC menafikan sebarang dan kesemua liabiliti berhubung dengan isi kandungan penerbitan ini.
- Dapatkan nasihat guaman apabila anda merasa ragu.